

Pakar sejarah: Kerjasama PAS-PKR-DAP mirip ikatan PKM dan PKMM
The Malaysian Insider
15 September , 2011
Oleh Syed Mu'az Syed Putra

KUALA LUMPUR, 15 Sept — Pakar sejarah Profesor Datuk Dr Ramlah Adam menyifatkan kerjasama parti komponen Pakatan Rakyat sama seperti hubungan antara Parti Komunis Malaya (PKM) dan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) sebelum kemerdekaan.

Ramlah berkata, PKM dan PKMM bekerjasama dengan untuk menjatuhkan British seterusnya memerintah negara ini walaupun terdapat agenda yang dirahsiakan oleh kedua-dua parti itu.

"Apa beza DAP, PAS dan PKR sedangkan kita tahu PAS mempunyai perjuangan yang cukup jelas, perjuangan PAS adalah Melayu dan Islam, DAP pula 'Malaysian Malaysia' dan PKR, semua dicampurkan," kata beliau pada satu forum anjuran Perkasa malam tadi.

"Hari ini kita lihat PAS telah meninggalkan konsep negara Islam, Melayu dan hudud kerana mahu kuasa sebab itu Pakatan Rakyat boleh berjaya," kata beliau sambil menambah, "mereka bekerjasama untuk menawan Putrajaya."

"Dan, apa beza dengan PKM dan PKMM, mereka ada agenda," katanya pada Forum Merdeka Kekejaman Komunis, Mat Indera dan Kemerdekaan.

PAS, PKR dan DAP membentuk kerjasama politik sejak pilihan raya umum 2008.

Ahli akademik UiTM ini menambah, pemimpin politik pandai bermain strategi untuk menarik sokongan rakyat termasuk komunis yang berjaya menarik orang Melayu menyertai gerakan menentang British ketika itu.

"Orang politik memang pandai main strategi, kalau tidak faham kita akan tertipu, akhirnya ramai orang Melayu masuk ke hutan, ramai yang terpedaya sebab itu sertai komunis untuk menentang British, mesti ingat ramai berpendidikan agama.

"Apa yang dikatakan Timbalan Presiden PAS Mohamad Sabu adalah penghinaan kepada polis yang mempertahankan negera, mereka tidak rasa mereka alat kepada British tetapi berjuang menentang komunis yang telah melakukan kekejaman," katanya merujuk kepada kenyataan kontroversi Mohamad yang mengangkat Ahmad Indera atau Mat Indera sebagai wira dalam tragedi Bukit Kepong.

Menurut Ramlah, komunis mempunyai senjata canggih yang tidak dipulangkan kembali kepada British selepas kekalahan Jepun sehingga menyebabkan gerakan itu rancak melakukan pemberontakan.

"Peristiwa Bukit Kepong adalah peristiwa yang menyedihkan, Bukit Kepong merupakan antara enam balai polis yang diserang komunis, PKM pimpinan Mat Indera telah menyerang balai polis setelah meneliti beberapa hari dan mereka melakukan serangan mengejut," katanya.

Anggota panel lain forum yang dipengerusikan oleh Presiden Perkasa Datuk Ibrahim Ali ialah anak pengasas Umno, Datuk Jaafar Onn, bekas pengarah cawangan khas Bukit Aman Datuk Zulkifli Abdul Rahman dan Pengerusi Majlis Perundingan Melayu Datuk Kamaruddin Kacha.

Kamaruddin yang juga bekas Naib Canselor Universiti Selangor (Unisel) berkata, Mohamad telah menghina pejuang kemerdekaan yang terkorban semasa menentang British menambah rakyat perlu menentang kenyataan yang dikeluarkan pemimpin nombor dua PAS itu.

"Saya minta semua menentang habis-habisan Mat Sabu, komunis bukan sahaja menyerang tapi mereka seksa, tebuk perut dan mahu kita iktiraf komunis.

"Mat Sabu mari sini saya mahu tempeleng dia, jangan main-main dengan kita... Mat Sabu hingus belum kering, biadap dan kurang ajar, kita rebus dia hidup-hidup dan jangan perlekeh Islam dan Melayu," katanya.

Jelas beliau, sekiranya berlaku pertumpahan darah ekoran kenyataan kontroversi itu Mohamad dan PAS perlu bertanggungjawab.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pakar-sejarah-kerjasama-pas-pkr-dap-mirip-ikatan-pkm-dan-pkmm/>